

PM nafi guna \$50 juta untuk menangi pilihanraya

BUTTERWORTH 20 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Barisan Nasional (BN) tidak pernah menggunakan wang \$50 juta semata-mata untuk memenangi pilihanraya kecuali mempunyai rancangan untuk pembangunan.

Perdana Menteri berkata, sudah menjadi kebiasaan bagi DAP mencaci dan membuat fit-

nah kononnya BN membelanjakan \$50 juta (pilihanraya kecil Perai) kerana DAP mungkin pernah membeli undi dan menyangka orang lain akan mengikut jejak mereka.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan kilang Sony di Perai pagi ini bila diminta mengulas slogan DAP 'Ambil duit Barisan, Undi DAP' dan dakwaan

DAP kononnya BN menyediakan \$50 juta untuk pilihanraya kecil Perai yang akan diadakan pada 27 Julai ini.

Menurut Perdana Menteri, DAP tidak mempunyai kerja lain selain membuat tuduhan yang tidak berasas.

"Misalnya dalam Parlimen, Lim Kit Siang membuat tuduhan tentang 10 perkara melibatkan rasuah pihak kerajaan tetapi dalam 10 perkara itu tidak disebut BMF kerana kawan rapatnya sekarang yang dulu dituduhnya rasuah sudah menjadi kawannya."

"Kalau benar orang itu terlibat rasuah maka kawan Kit Siang ialah orang yang terlibat dengan rasuah. Ini tuduhan dia (Kit Siang), dia mudah menuduh orang lain tetapi kalau orang itu kawan dengan dia, hilang dosa sama sekali," katanya.

Tegasnya, itulah cara DAP selain memburukkan orang dan membuat fitnah.

Ditanya mengenai Akta Pengambilan Tanah yang turut dijadikan isu oleh DAP dalam kempen pilihanraya kecil itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan BN bukanlah 'pe-nyamun' yang akan mengambil tanah orang secara membuta tuli.

Katanya, pengambilan tanah akan mengambil kira kepentingan ekonomi negara dan kepentingan ramai.

"Kita tak ambil membuta tuli, kerajaan BN sentiasa memikirkankan kepentingan rakyat dan perhatian hendaklah diben kepada kepentingan rakyat yang lebih ramai daripada orang yang mungkin mampu menjual tanah mereka," katanya.

Katanya, dalam tempoh 60 tahun penduduk akan meningkat kepada 70 juta sedangkan tanah tidak 'tumbuh' seperti bilangan penduduk dan jika kerajaan tidak mempunyai kuasa

mengambil tanah, orang-orang miskin mungkin tidak mempunyai tanah untuk tempat tinggal.

Begitu juga soal jalan yang menurutnya akan timbul masalah kerana ada pihak yang mahu menjual dan ada juga yang enggan berbuat demikian dan dalam hubungan ini kerajaan perlu mempunyai kuasa mengambil tanah untuk membuat jalan.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga memberi jaminan bahawa pindaan akta itu mempunyai garis panduan yang teratur supaya tidak berlaku penyelewengan dalam soal pengambilan tanah.

Bagaimanapun beliau yakin DAP akan menuduh kerajaan bertindak zalim menyamun tanah orang tetapi sebenarnya kerajaan tidak akan bertindak sedemikian dan kerajaan tidak akan mengambil tanah melainkan untuk kepentingan negara.